



BERITA

No: 4

Kargo bulan Disember Menjunam sebanyak 22.6%

(29 Januari 2009) – Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) mengeluarkan keputusan jadual trafik antarabangsa bagi bulan Disember 2008 dan keseluruhan tahun tersebut.

Pada bulan Disember jumlah trafik kargo global antarabangsa menjunam sebanyak 22.6% berbanding Disember 2007. Perbandingan yang sama juga terdapat pada jumlah trafik penumpang antarabangsa yang menunjukkan penurunan sebanyak 4.6%. Faktor muatan barangan antarabangsa berada pada kedudukan 73.8%.

Bagi keseluruhan tahun 2008, trafik kargo antarabangsa menjunam sebanyak 4.0%, trafik penumpang pula menunjukkan peningkatan yang lemah sebanyak hanya 1.6%, dan jumlah muatan barangan antarabangsa berkedudukan pada 75.9%.

“Penurunan yang mendadak di dalam jumlah kargo global amat tidak dijangka dan mengejutkan. Ianya dengan jelas mempamerkan jumlah dagangan antarabangsa yang semakin meruncing. Berbanding pada bulan September 2001, dimana semasa kebanyakan penerbangan global telah dihentikan, kita hanya menyaksikan penurunan sebanyak 13.9%,” kata Giovanni Bisignani, Pengarah Besar dan CEO, IATA.” Penerbangan kargo udara membawa sebanyak 35% dari keseluruhan jumlah barangan yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa.

Disokong oleh musim percutian hujung tahun yang telah ditempah lebih awal, penurunan bilangan penumpang pada bulan Disember sebanyak 4.6% adalah lebih terkawal berbanding penurunan yang ditunjukkan oleh pergerakan kargo. Pemotongan sebanyak 1.5% dari jumlah pembekalan tidak dapat mengatasi jumlah permintaan yang menurun secara mendadak, dan mengakibatkan penurunan muatan barangan sebanyak 2.4% pada bulan Disember kepada keseluruhan 73.8%. “Syarikat penerbangan sedang tergapai-gapai untuk menseimbangkan kapasiti dengan permintaan yang menjunam laju. Sehingga keseimbangan dicapai, industri ini tidak akan dapat diselamatkan dari mengalami kerugian walaupun dengan adanya penurunan pada harga bahan api,” kata Bisignani.

“Hasil pendapatan juga tergugat dengan penurunan trafik premium yang tajam pada bulan November,” kata Bisignani. Pada November, IATA melaporkan penurunan sebanyak 11.5% di dalam bilangan tiket premium yang dikeluarkan secara global.

Trafik Penumpang

- **Keputusan trafik tahunan secara keseluruhan** menunjukkan peningkatan permintaan hanya sebanyak 1.6% yang jelas menunjukkan penurunan sebanyak 7.4% berbanding rekod tahun 2007. Kapasiti meningkat sebanyak 3.5% dan menghasilkan purata muatan barangan tahunan sebanyak 75.9% (penurunan berbanding 77.3% yang dicatatkan pada 2007)

- Berikut adalah rumusan trafik serantau bagi bulan Disember:
 - **Syarikat penerbangan Asia Pasifik** menunjukkan penurunan trafik antarabangsa yang paling ketara pada bulan Disember sebanyak 9.7%. Mereka juga mencatatkan penurunan kapasiti yang paling besar, tetapi penurunan sebanyak 5.6% adalah tidak seberapa berbanding penurunan permintaan yang dialami. Faktor muatan barangan menjunam kepada 72.6%. Kemelut ekonomi dirantau ini telah merebak dengan meluas. Jumlah eksport pada bulan Disember menjunam sebanyak 20% di Singapura dan 35% di Jepun. GDP Korea pula menunjukkan pengecutan sebanyak 5.5%. Walaupun ekonomi Cina terus berkembang, laporan GDP yang terbaru menunjukkan bahawa ianya berkembang pada kadar yang amat perlahan. Ini mengakibatkan rantau Asia Pasifik menerima kesan penurunan yang paling teruk.
 - **Syarikat penerbangan Eropah** menyaksikan permintaan bagi perjalanan antarabangsa menurun sebanyak 2.7% manakala kapasiti menurun sebanyak 1.5%. Faktor muatan barangan berada pada purata global sebanyak 73.8%. Dengan penunjuk keyakinan perniagaan menjerus kepada penurunan sebanyak 10% di dalam produksi industri dan sebanyak 20% penurunan di dalam dagangan, ianya tidak memberikan sebarang sebab bagi kita untuk merasa optimistik.
 - **Syarikat penerbangan Amerika Utara** menunjukkan permintaan di bulan Disember menurun sebanyak 4.3%, jauh berbanding pemotongan kapasiti antarabangsa yang hanya sebanyak 0.7%. Walaupun syarikat penerbangan Amerika Utara telah membuat pemotongan kapasiti domestik sebanyak 10% lebih awal, bulan ini menyaksikan pemotongan yang pertama bagi operasi antarabangsanya. Namun demikian, rantau ini mencatatkan faktor muatan yang paling tinggi sebanyak 78.1%.
 - **Syarikat penerbangan Afrika** terus menyaksikan penurunan trafik, walaupun ekonominya berkembang dan pelancong ke benua tersebut lebih tinggi berbanding rantau lain. Trafik penumpang antarabangsa menurun sebanyak 4.6% pada bulan Disember. Pengurangan kapasiti sebanyak 2.1% ini menurunkan faktor muatan barangannya kepada 68.5%, yang terendah diantara semua rantau.
 - **Syarikat Penerbangan Amerika Latin** mencatatkan peningkatan permintaan sebanyak 1.1% pada bulan Disember dan peningkatan kapasiti sebanyak 3.2%. Dengan permintaan terhadap komoditi dan dagangan Amerika Utara yang merundum, bulan-bulan yang mendatang dijangka akan lebih sukar bagi syarikat penerbangan dirantau ini.
 - **Syarikat penerbangan Timur Tengah** menunjukkan peningkatan permintaan sebanyak 3.9% pada bulan Disember, jauh dibawah peningkatan kapasiti sebanyak 10%. Syarikat pengangkutan dirantau ini menamatkan pertumbuhan dua digit selama lima tahun dengan permintaan keseluruhan tahunan hanya sebanyak 7% (berbanding 18.1% yang dicatatkan pada 2007). Pertumbuhan akan terus perlahan pada 2009 memandangkan pendapatan minyak dan trafik perhubungan hub pengangkutan kini semakin menurun.

Trafik Barangan

- **Trafik udara barangan antarabangsa bagi keseluruhan tahun ini** menguncup sebanyak 4% berbanding pertumbuhan sebanyak 4.3% pada tahun 2007.

- **Bulan Disember** menyaksikan penurunan tanpa batasan sebanyak 22.6% di dalam jumlah barangan melalui pengangkutan udara, berbanding tahun sebelumnya. Kesemua rantau menunjukkan penurunan yang besar.
- Keruntuhan perniagaan industri pengangkutan barangan syarikat penerbangan melambangkan penurunan sebanyak 20-30% di dalam jumlah dagangan import dan eksport diseluruh rantau Asia, Amerika Utara dan Eropah semenjak krisis kewangan global melanda dan mencapai puncak kejatuhan pada bulan Disember.
- **Syarikat pengangkutan Asia-Pasifik**, mewakili 45% dari dagangan kargo antarabangsa, mendahului rekod penurunan pada bulan Disember dengan penguncupan sebanyak 26.0% berbanding tahun sebelumnya. Syarikat pengangkutan Amerika Latin pula menyaksikan penurunan kargo sebanyak 23.7%, **syarikat pengangkutan Amerika Utara** pula sebanyak 22.2% dan syarikat **pengangkutan Eropah** pula sebanyak 21.2%. Penurunan satu digit pula dicatatkan oleh syarikat **pengangkutan Timur Tengah** (-9.2%) dan **syarikat pengangkutan Afrika** (-8.0%).

“2009 akan menjadi tahun yang paling mencabar bagi syarikat penerbangan antarabangsa. Penurunan trafik kargo antarabangsa sebanyak 22.6% pada bulan Disember meletakkan kita di dalam situasi yang belum pernah kita alami dan dasarnya masih belum diketahui. Pasangkan tali pinggang keselamatan dan bersedialah untuk mengalami perjalanan yang sukar dan pendaratan yang keras,” kata Bisignani

Syarikat penerbangan mencatatkan kerugian sebanyak US\$5 billion pada 2008. Bagi 2009 IATA meramalkan penambahan kerugian sebanyak US\$2.5 billion berdasarkan pada harga bahan api sebanyak US\$60 satu tong, penurunan sebanyak 3.0% dari jumlah penumpang pesawat, penurunan sebanyak 5.0% di dalam trafik kargo dan penurunan hasil sebanyak 3.0%. Pendapatan industri dijangka menguncup sebanyak US\$35 billion (dari US\$536 billion pada 2008 kepada US\$501 billion pada 2009).

Bagi menghadapi krisis ekonomi ini, IATA mewacanakan perubahan kepada struktur industri secara besar-besaran. “Kami tidak inginkan bantuan kewangan. Tapi kami inginkan perubahan kepada undang-undang pemilikan. Hampir kesemua jenis perniagaan memiliki kebebasan untuk memasuki pasaran modal global dan kemampuan untuk bergabung melangkaui sempadan sekiranya perlu. Bagi menangani krisis ini, syarikat penerbangan memerlukan kaedah pengurusan yang sama,” kata Bisignani.

-IATA-

Hubungi:

Albert Tjoeng

Manager

Corporate Communications

Asia Pacific

Tel : +65 64992286 / +65 91723767

Email : tjoenga@iata.org

Nota untuk editor:

- IATA (International Air Transport Association) mewakili sebahagian dari 230 syarikat penerbangan yang merangkumi 93% dari jadual lalu lintas penerbangan antarabangsa.
- Penerangan kepada terma pengukuran:
 - RPK: *Revenue Passenger Kilometres* mengukur trafik penumpang yang sebenar
 - ASK: *Available Seat Kilometres* mengukur kapasiti penumpang sedia ada
 - PLF: *Passenger Load Factor* (Faktor Muatan Penumpang) merupakan % ASK yang digunakan. Perbandingan tahun 2007 kepada 2006, PLF menunjukkan perbezaan mata yang dibandingkan diantara kedua-dua tempoh.
 - FTK: *Freight Tonne Kilometres* mengukur trafik barangan yang sebenar
 - ATK: *Available Tonne Kilometres* mengukur kapasiti keseluruhan sedia ada (kombinasi penumpang dan kargo)
- Statistik IATA meliputi trafik udara antarabangsa sahaja; trafik dalam Negara tidak diambil kira.
- Semua angka adalah anggaran dan mewakili laporan keseluruhan pada masa ianya diterbitkan termasuk juga anggaran bagi data yang hilang.
- Pasaran trafik penumpang antarabangsa serantau yang dikongsi melalui terma RPK adalah: Eropah 34.1%, Asia Pasifik 31.1%, Amerika Utara 18.7%, Timur Tengah 9.2%, Amerika Latin 4.5%, Afrika 2.4%
- Pasaran trafik muatan barangan antarabangsa serantau yang dikongsi melalui terma FTK adalah: Asia Pasifik 44.5%, Eropah 27.4%, Amerika Utara 16.9%, Timur Tengah 7.9%, Amerika Latin 2.1%, Afrika 1.2%